

**TEKS UCAPAN PEMANGKU PENGARAH MUZIUM**  
**MAJLIS PELANCARAN PAMERAN SENI LUKIS DIVERSITI DAN MAJLIS APRESIASI JABATAN**  
**MUZIUM-MUZIUM SEMPENA SAMBUTAN HARI MUZIUM ANTARABANGSA DAN HARI ARKIB**  
**ANTARABANGSA 2020**

**SABTU, 28 NOVEMBER 2020**

Ruang lobi, Muzium Teknologi Melayu, Kota Batu

Jam : 8:30 pagi

Bismillah Hirrahman Nirrahim

Alhamdulillah Rabbil Alameen, Wassalatuwassalamu Ala Asyrafilanbiyaiae Wal-Mursaleen,  
Sayyidina Muhammadin, Walaa Alihi Wa Sahibi Ajmain.

Yang Berhormat

Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato  
Seri Paduka Haji Abidin, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, selaku Tetamu Kehormat Majlis

Menjunjung

Yang Amat Mulia Pengiran Anak Haji Abdul Quddus bin Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria  
Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz, Pegawai Tugas-tugas Khas Tingkat II, Arkib  
Negara Brunei Darussalam.

Menjunjung,

Yang Amat Mulia Penvgran Anak Hamlatul Arsy Mulia binti Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri  
Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, merupakan  
peserta pameran seni lukis.

Yang Mulia Setiausaha Tetap-Setiausaha Tetap, Timbalan -Timbalan Setiausaha Tetap, Pengarah-pengarah,  
Pegawai-Pegawai Kanan Kerajaan dari Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan,  
Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama dan Kementerian Pendidikan, Pemangku  
Ketua Kampong Pelambayan, para pelukis, hadirin dan para media yang dihormati sekalian.

Terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato Menteri,  
menjunjung kasih keberangkatan Yang Amat Mulia dan ribuan terima kasih juga kepada semua  
biskita yang hadir meluangkan masa pada pagi ini untuk sama-sama menjayakan dan  
memeriahkan majis berkebajikan ini.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Alhamdulillah, segala puji dan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah kurnia dan taufik serta izin-Nya jua, kita dapat berkumpul dalam Majlis Pelancaran Pameran Seni Lukis Diversiti dan Majlis Apresiasi bagi pegawai dan kakitangan Jabatan Muzium-Muzium dan Arkib Negara Brunei Darussalam dalam meraikan Sambutan Hari Muzium Antarabangsa yang disambut seluruh serantau dan antarabangsa setiap 18 Mei. Begitu juga Hari Arkib Antarabangsa 2020 setiap 9 Jun sepertimana yang dirancang pada hari ini.

Adapun tema yang telah ditetapkan oleh International Council of Museums (ICOM) bagi tahun ini ialah Muzium untuk Kesaksamaan : Diversiti dan Rangkuman. Manakala tema yang telah ditetapkan oleh International Council of Archives (ICA) pula ialah Memperkasa Masyarakat Berilmu. Sehubungan dengan itu, tiga acara telah disatukan dalam sambutan ini iaitu Pameran Seni Lukis Diversiti, penghargaan kepada pekerja yang telah bersara dan Anugerah Pekerja Contoh.

Yang Berhormat Dato dan para hadirin yang dihormati sekalian,

Sebanyak 198 buah karya lukisan akan dipamerkan dari 81 orang pelukis yang terdiri dari warga tempatan dan warga asing. Pameran ini telah mendapat sambutan yang sungguh menggalakkan dan disertai oleh semua peringkat umur dari generasi muda belia, orang kelainan upaya antaranya dari Pusat Ehsan dan Pusat Bahagia, 48 orang peserta di kalangan orang ramai dan 11 orang warga emas.

Untuk makluman semua, peserta termuda berusia 8 tahun dan peserta warga emas berusia 80 tahun. Semua lukisan yang dipamerkan dijual dengan harga yang telah ditetapkan oleh pelukis sendiri. Semua lukisan yang dipamerkan berharga diantara dua puluh ringgit ke atas sehingga \$15 ribu. Demi menjaga keharmonian dan keamanan semua lukisan yang dipamerkan dari isu-isu berbangkit nantinya maka Jabatan Muzium-Muzium telah bertindak segera bagi semua lukisan yang dipamerkan ini ditapis. Alhamdulillah, telah mendapat kelulusan daripada Pusat Penapisan (Censorship) dari Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri yang melibatkan Keselamatan Dalam Negeri dan Pusat Dakwah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama. Bagi lukisan yang telah ditegah dipohonkan kepada pelukis tersebut untuk terus bersemangat dan berkarya dalam industri kreatif yang cabar ini.

Yang Berhormat Dato dan para hadirin yang dihormati sekalian,

Menguasai kemahiran diri dalam industri kreatif khususnya seni lukis akan membuka ruang dan peluang kepada kelompok masyarakat yang berhasrat untuk mencipta karya dalam aspek seni lukis yang setentunya akan menyumbang kepada sumber keberhasilan sara hidup ekonomi (tanpa bergantung kepada bantuan) dan pendapatan tinggi kepada negara. Hal ini terbukti dengan kehadiran para belia masa kini yang berpotensi, berkemahiran dan berani tampil setelah mendapat tunjuk ajar daripada pelukis-pelukis professional sebelumnya. Kita mendapati para belia ini mampu menempa nama dipersada antarabangsa dan mewujudkan peluang pekerjaan sekaligus meningkatkan potensi ekonomi digital.

Selaras dengan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Hari Belia Kebangsaan pada 26 September 2011.

Mengenai industri kreatif, para belia merebut peluang tersebut kerana negara ini banyak bidang yang dapat diteroka, melalui strategi pemasaran berkesan sebagaimana dilakukan oleh negara-negara maju ini juga akan membolehkan para pelancong dan sekaligus membuka peluang pekerjaan bagi anak-anak muda kita.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga bertitah sempena Hari Keputeraan Baginda ke-73 tahun pada tahun lepas;

Peluang-peluang perekonomian juga terus direbut, antaranya menjana potensi yang terdapat pada industri kreatif. Industri ini akan dikembangkan untuk meraih manfaat berganda, bahkan juga mampu untuk mempelbagaikan bidang ekonomi. Potensi ekonomi digital perlu juga diteroka untuk menjadikan negara ini sebuah negara Smart Nation.

Berdasarkan titah tersebut, Jabatan Muzium-Muzium akan sentiasa bekerjasama dan memberi ruang atau platform kepada pelukis-pelukis untuk terus menghasilkan berkarya dan seterusnya mempamerkan. Sempena Sambutan Hari Muzium Antarabangsa dan Hari Arkib Antarabangsa ini, bengkel teknik dan kemahiran masig-masing bertempat di bangunan ini akan dilaksanakan nantinya. Sambil menyaksikan pameran orang ramai bolehlah mengikuti bengkel tersebut. Untuk makluman pameran ini dibukakan selama 5 bulan iaitu mulai 28 September 2020 hingga 28 April 2021.

Yang Berhormat Dato dan para hadirin yang dihormati sekalian

Bersempena memperingati Hari Muzium Antarabangsa dan Hari Arkib Antarabangsa yang disambut setiap tahun maka majlis pada pagi ini juga diselajurkan dengan penyampaian cenderamata dan sijil kepada 20 orang pegawai dan kakitangan yang telah bersara di Jabatan

Muzium-Muzium dan Arkib Negara yang telah menamatkan perkhidmatan sejak Mei 2019 hingga November 2020. Sebagai tanda penghormatan dan tanda kasih sepanjang berkhidmat di Jabatan ini. Majlis ini juga diteruskan dengan Penyampaian Anugerah Pekerja Contoh bagi 3 orang pegawai dan kakitangan yang telah dinilai oleh Jawatankuasa Komiti yang dilantik berdasarkan keputusan cemerlang dalam prestasi dan KPI 3 tahun berturut-turut dari tahun 2017 hingga 2019. Tujuan anugerah ini adalah untuk menyuntik lagi motivasi dan menaikkan semangat pegawai dan kakitangan berkenaan untuk terus maju dan menjadi ikutan bagi warga jabatan ini.

Selain pameran, pelbagai program dan aktiviti dilaksanakan sepanjang 5 bulan tersebut seperti tayangan video dokumentari yang bermanfaat yang meliputi aspek sejarah, adat istiadat, pembangunan ekonomi dan sebagainya dari Arkib Negara Brunei Darussalam, jualan buku, kuiz dan lain-lain lagi.

Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, sekali lagi saya mengucapkan ribuan terima kasih di atas kehadiran Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan selaku Tetamu Kehormat Majlis dan seterusnya melancarkan perasmian Pameran Seni Lukis Diversiti dan Majlis Apresiasi bagi Pegawai dan Kakitangan Jabatan Muzium-Muzium dan Arkib Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Hari Muzium Antarabangsa dan Hari Arkib Antarabangsa pada tahun ini. Menjunjung kasih keberangkatan Yang Amat Mulia dan ribuan terima kasih buat semua pelukis dan juga kepada semua biskita yang hadir meramai-ramaikan majlis kebajikan ini. Semoga Allah membala kebaikan biskita semua.

Sekian.

Wabillahit Taufiq Walhidayah Wassalammu Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Disampaikan oleh  
Pengiran Hajah Mahani binti Pengiran Haji Ahmad  
Pemangku Pengarah Muzium  
Jabatan Muzium-Muzium